



KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-251513/251514/251516
Faks: 088-237605
Website: www.mof.sabah.gov.my

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU
Tel : 088-368000 Faks : 088-213584
Website : www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-368000
Bil. : KEW.100-4/4/Jld.8/(01)
Tarikh : 30 Oktober 2018

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH BIL.
1/2018 PEMBAYARAN YANG MEMERLUKAN KEBENARAN KHAS DI BAWAH
A.P 58(a)**

1.0 TUJUAN

1.1 Surat Pekeling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pegawai Pengawal agar mengambil perhatian yang serius terhadap semua pembayaran yang memerlukan kebenaran khas di bawah A.P 58(a).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 A.P 58 (a) adalah peruntukan di bawah Arahan Perbendaharaan yang membolehkan kementerian/jabatan membayar baucar-baucar perbelanjaan mengurus yang dikemukakan dalam tahun kewangan semasa, berkaitan dengan pertanggungan-pertanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum hujung tahun kewangan yang lama dengan menggunakan peruntukan tahun semasa.

2.2 Beberapa siri pekeliling mengenai pembayaran di bawah A.P 58(a) telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Bendahari Negeri Sabah. Namun begitu, adalah diperhatikan masih terdapat banyak permohonan pembayaran di bawah A.P 58(a) yang diterima oleh pihak Jabatan Bendahari Negeri Sabah dan Kementerian Kewangan Negeri sehingga ke penghujung tahun kewangan semasa. Perkara ini boleh menjelaskan peruntukan tahun semasa dan sekaligus menjelaskan aktiviti semasa kementerian/jabatan yang telah dirancang lebih awal.



- 2.3 Peningkatan pembayaran di bawah A.P 58(a) ini juga seringkali mendapat teguran daripada Jabatan Audit Negara dalam pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti.

3.0 LANGKAH-LANGKAH MENGELAKKAN BAYARAN DI BAWAH A.P 58(a)

- 3.1 Kementerian/jabatan hendaklah mematuhi peruntukan di bawah A.P.99, A.P 101 dan A.P 102 semasa menyediakan baucar-baucar bayaran bagi memastikan semua dokumen sokongan adalah lengkap untuk mengelakkan teguran/kuiри yang berulang daripada pihak Jabatan Bendahari Negeri Sabah yang akhirnya mengakibatkan baucar-baucar berkenaan terbengkalai sehingga terpaksa dibawa ke tahun hadapan.
- 3.2 Pematuhan kepada A.P 100 dan A.P 103 perlu diberi perhatian yang lebih serius.
- 3.3 Mematuhi peruntukan di bawah A.P 103(b) dengan menyenggara sebuah Daftar Bil yang lengkap.
- 3.4 Mengambil perhatian keatas pekeliling Penutupan Akaun Tahunan daripada Jabatan Bendahari Negeri Sabah yang dikeluarkan pada setiap tahun.

4.0 KAEADAH PELAKSANAAN

- 4.1 Bermula dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan, semua Pegawai Pengawal adalah diminta untuk mengemukakan permohonan pembayaran di bawah A.P 58(a) tidak melangkaui tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh penutupan akaun tahun kewangan yang lalu. Permohonan hendaklah dikemukakan terus kepada Jabatan Bendahari Negeri Sabah. Sehubungan dengan ini, para 6.1 dan 6.2, pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bilangan 8/2016 bertarikh 28 Julai 2016 adalah diubahsuai bagi memenuhi kehendak perenggan ini.
- 4.2 Semua Pegawai Pengawal adalah diingatkan untuk mengemukakan permohonan bayaran di bawah A.P 58(a) ini, jika ada, sejurus selepas sistem S3P bagi Akaun Tahun Semasa diaktifkan dan semua permohonan mestilah dikemukakan kepada Jabatan Bendahari Negeri Sabah untuk kelulusan, sebelum 31 Mac.
- 4.3 Kelulusan kebenaran khas bagi bayaran di bawah A.P 58(a) **TIDAK** meliputi tuntutan elaun perjalanan pegawai awam. Dalam erti kata lain, tiada kelulusan bayaran di bawah A.P 58(a) diberikan bagi tuntutan elaun perjalanan pegawai awam, **kecuali** perjalanan yang dilakukan pada penghujung tahun sahaja.

- 4.4 Pembayaran di bawah A.P 58(a) ini hendaklah dimasukkan dalam agenda mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPK) kementerian/jabatan dan dalam Laporan JPKA kepada Kementerian Kewangan Negeri Sabah.
- 4.5 Pembayaran di bawah A.P 58(a) **hendaklah** dibayar menggunakan peruntukan tahun semasa kementerian/jabatan masing-masing.
- 4.6 Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta-merta dan dengan ini membatalkan pekeliling Kementerian Kewangan Bilangan 11/2010 bertarikh 01 Julai 2010.

5.0 PENUTUP

- 5.1 Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Bahagian Belanjawan, Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan Bahagian Penyemakan Baucar, Jabatan Bendahari Negeri Sabah, untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

Sekian dan harap maklum.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"JIMAT DAN PRODUKTIF"



(DATUK PG. HASSANEL BIN DATUK PG. HJ. MOHD. TAHIR)
Setiausaha Tetap

s.k Pengarah Audit Negeri Sabah
Jabatan Audit Negara
Cawangan Negeri Sabah
Aras 4, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS
88450 KOTA KINABALU

s.k Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri Sabah
Level 8, 9, 10 & 11, Blok A
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU